



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI KEKAL KOMITED TERHADAP PRINSIP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN DANA AWAM.

KUALA LUMPUR, 23 Februari 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengambil perhatian serta menghargai penemuan dan syor yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara Bil. 1/2026 terhadap pengauditan Program Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) serta pematuhan perbelanjaan Projek MyDigital ID di bawah seliaan kementerian.

MOSTI melihat dapatan tersebut sebagai sebahagian daripada mekanisme semak dan imbang yang penting dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam serta memastikan pengurusan dana Kerajaan dilaksanakan secara cekap, telus dan berakauntabiliti.

Pengurusan Geran dan Program R&D&C&I

Berhubung isu pengurusan geran penyelidikan termasuk baki peruntukan projek yang belum dipulangkan serta ketidakpatuhan terhadap beberapa keperluan perjanjian, MOSTI telah mengambil langkah penambahbaikan secara menyeluruh. Ini termasuk memperkemas proses pemantauan projek melalui penilaian berkala, pengukuhan mekanisme penutupan projek, serta pemantauan terhadap pemulangan baki peruntukan selaras dengan syarat perjanjian.

MOSTI juga sedang memperkukuh tadbir urus kewangan melalui penambahbaikan prosedur dalaman, pemantapan kawalan terhadap penggunaan peruntukan pembangunan serta pelaksanaan semakan harta intelek (IP) secara lebih sistematik

bagi memastikan hasil penyelidikan memberi impak optimum dan berpotensi untuk dikomersiakan.

Langkah ini selaras dengan aspirasi memperkasa ekosistem R&D negara serta memastikan setiap dana awam yang diperuntukkan menyumbang kepada pencapaian objektif strategik pembangunan sains, teknologi dan inovasi negara. MOSTI akan memastikan semua dana yang perlu dikutip semula akan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah dan saluran yang sewajarnya untuk memastikan tiada kerugian di pihak Kerajaan.

Projek MyDigital ID

Bagi Projek MyDigital ID yang dilaksanakan oleh MIMOS Berhad, MOSTI mengambil serius penemuan audit berkaitan aspek pematuhan struktur kos dan kelulusan perbelanjaan. Perancangan MIMOS telah dibentangkan dan diambil maklum oleh Jawatankuasa Teknikal Identiti Digital Nasional dan Jawatankuasa Pemandu Identiti Digital Nasional pada Februari 2024.

Sehubungan itu, MOSTI ingin menegaskan bahawa tidak berlaku sebarang ketirisan dalam tadbir urus atau perolehan yang dilaksanakan. Projek MyDigital ID kini telah beroperasi dan dilaksanakan di bawah pemantauan Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Mac 2024.

Kementerian telah dan akan terus memastikan setiap perbelanjaan projek dilaksanakan berdasarkan kelulusan jawatankuasa yang ditetapkan serta mematuhi struktur kos dan tujuan peruntukan yang diluluskan.

MOSTI turut memperkukuh mekanisme pemantauan Geran Pembangunan bagi memastikan semua keputusan berkaitan pelaksanaan projek dan perolehan dibuat secara teratur, selaras dengan garis panduan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia serta pekeliling kewangan yang berkuat kuasa.

Komitmen Berterusan

MOSTI kekal komited terhadap prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan dana awam. Kementerian akan terus memantau pelaksanaan tindakan pembetulan dan penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan tadbir urus program penyelidikan dan projek pembangunan di bawah seliaannya berada pada tahap terbaik.

Penambahbaikan yang dilaksanakan bukan sahaja bagi menangani isu yang dibangkitkan, malah sebagai usaha berterusan untuk memperkukuh sistem, meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek serta memastikan manfaatnya dapat dirasai oleh rakyat dan negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

23 FEBRUARI 2026